



**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG MELALUI PROSES JAWATANKUASA  
KHAS PENILAIAN PERKHIDMATAN PROFESIONAL KESIHATAN**

**PERATURAN 7 (a)**

**IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI DAN PEGAWAI-  
PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT DENGAN  
PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**JURUPULIH ANGGOTA (M.13-14 EB.15)  
JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH IKLAN: 06 MAC 2024  
TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 20 MAC 2024  
BILANGAN IKLAN: 2024/FEB/19**

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**JURUPULIH ANGGOTA  
JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
M.13-14 EB.15 (\$2,300 - \$4,220 EB KHAS \$4,330 - \$4,770 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = EMPAT (04)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Fisioterapi (*Physiotherapy*) atau bidang bersesuaian.  
Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Mengambil peranan dan bertanggungjawab sebagai Pegawai Klinikal dalam bidang fisioterapi di dalam menjalankan tugas-tugas klinikal bagi kes-kes yang memerlukan rawatan fisioterapi mengikut *Standard Scope of Practice* yang ada;
2. Melakukan tugas-tugas *on-call* fisioterapi;
3. Membuat preskripsi rawatan yang komprehensif, efektif dan efisien mengikut profesionalisme masing-masing;
4. Mengelakkan dan mengembangkan ilmu pengetahuan semasa yang berkaitan dengan fisioterapi dan mengamalkan Amalan Berasaskan Bukti (*Evidence-Based Practice*);
5. Bertanggungjawab dalam memastikan penggunaan peralatan rawatan fisioterapi oleh pegawai dan kakitangan fisioterapi di bawah jagaan adalah selamat, betul dan kompeten;
6. Bertanggungjawab di atas penjagaan peralatan dan keadaan tempat-tempat rawatan di tempat bertugas;
7. Mewakili perkhidmatan fisioterapi dalam Pasukan Pelbagai Bidang (*Multi Disciplinary Team*) dan mengintegrasikan rawatan fisioterapi ke dalam program Pasukan Pelbagai Bidang termasuk perbincangan dan penglibatan mengenai penjagaan, kemajuan dan perancangan discaj pesakit;
8. Melibatkan diri sebagai tenaga pengajar atau sebagai Pendidik Akademik dan Klinikal (*Academic and Clinical Educator*) jika diperlukan mengikut arahan pegawai atasan;



9. Bertanggungjawab kepada Ketua Bahagian Fisioterapi dan ketua-ketua di mana pegawai ditugaskan;
10. Bertanggungjawab dalam memberikan bimbingan dan sokongan kepada semua pegawai dan kakitangan fisioterapi di bawah jagaan piawaian dari semasa ke semasa;
11. Bertanggungjawab ke atas keselamatan dan Amalan Kawalan Jangkitan (*Practice of Infection Control*) terhadap diri sendiri, orang-orang yang terlibat dan persekitaran semasa menjalankan tugas;
12. Melakukan *stock keeping* barang-barang dan perkakas fisioterapi;
13. Mewakili negara dalam menghadiri persidangan antarabangsa, mesyuarat antarabangsa, kursus atau bengkel meningkatkan profesionalisme dan sebagainya; dan
14. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diarahkan dari semasa ke semasa.

**Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada  
Urus Setia Bahagian Pengurusan Sumber Tenaga Manusia,  
Jabatan Pentadbiran, Kementerian Kesihatan seperti berikut:**

**Alamat : BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER TENAGA MANUSIA,  
JABATAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN,  
KEMENTERIAN KESIHATAN,  
JALAN MENTERI BESAR,  
BANDAR SERI BEGAWAN, BE3910  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Emel : [hr.secretariat@moh.gov.bn](mailto:hr.secretariat@moh.gov.bn)**

**No. Tel: 2383020**